

**PENYELUDUPAN DADAH DARI KAWASAN SEGI TIGA EMAS
THAILAND SERTA KESAN TERHADAP KESELAMATAN NASIONAL
NEGARA MALAYSIA**

AMER FAWWAZ BIN MOHAMAD YASID

Tesis dihantar kepada Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Pertahanan Nasional
Malaysia bagi memenuhi syarat pengijazahan Ijazah Tinggi
Doktor Falsafah (Hubungan Antarabangsa dan Strategik)

2022

ABSTRAK

Aktiviti penyeludupan dadah merupakan ancaman yang besar terhadap keselamatan negara. Masalah ini wujud hampir di setiap negara di dunia. Ini kerana terdapat permintaan terhadap bekalan dadah secara berterusan. Kewujudan kawasan Segi Tiga Emas Thailand dilihat sebagai faktor utama berlakunya kegiatan penyeludupan dan pengedaran dadah di rantau ini termasuklah negara Malaysia. Malaysia telah dijadikan hab transit pengangkutan dadah untuk dieksport secara haram ke luar negara. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengkaji kegiatan penyeludupan dadah dari kawasan Segi Tiga Emas Thailand serta kesan terhadap keselamatan nasional negara Malaysia. Objektif kajian ini adalah menerangkan kaedah dan laluan penyeludupan dadah dari kawasan Segi Tiga Emas Thailand, mengkaji kesan penyeludupan dadah dari kawasan Segi Tiga Emas Thailand ke atas keselamatan nasional negara Malaysia dan menganalisis langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Malaysia untuk mengatasi masalah penyeludupan dadah dari kawasan Segi Tiga Emas Thailand. Kajian ini menggunakan konsep keselamatan nasional dalam menerangkan fenomena yang dikaji. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan data dari sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer diperolehi daripada kaedah temubual serta kajian lapangan. Manakala sumber sekunder didapati daripada buku ilmiah, artikel jurnal, tesis akademik dan dokumen rasmi kerajaan. Dapatan kajian mendapati bahawa, pertama; terdapat empat kaedah yang telah digunakan oleh sindiket penyeludupan dadah bagi membawa masuk dadah ke Malaysia iaitu menggunakan individu perseorangan, motorsikal, kereta diubahsuai dan muatan kargo. Kedua; kegiatan penyeludupan dadah dari kawasan Segi Tiga Emas Thailand telah mewujudkan kesan ke atas keselamatan sosial, keselamatan ekonomi dan keselamatan politik negara Malaysia. Ketiga; langkah-langkah pencegahan telah diambil oleh kerajaan Malaysia dalam usaha mengatasi masalah penyeludupan dadah seperti Akta Dadah Merbahaya 1952, kerjasama pasukan keselamatan Malaysia-Thailand serta pelaksanaan kempen Anti Dadah. Namun, masih terdapat langkah-langkah pencegahan yang perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan seperti peningkatan tahap keselamatan sempadan Malaysia-Thailand dengan memperlengkapkan Kompleks Imigresen di sempadan dengan mesin pengimbas terkini. Kajian ini merumuskan bahawa kegiatan penyeludupan dadah dari kawasan Segi Tiga Emas Thailand merupakan ancaman kepada keselamatan nasional negara Malaysia.

ABSTRACT

The drugs smuggling activities was the main threats to every nation's security. The problems seem to exist in every nation due to the continuous demand of drugs. The existence of the Golden Triangle was the main factors contributed to the drug smuggling activities among the region including Malaysia. Malaysia have been used as the drug trafficking and distributions hub by the Drug Trafficking Organisations (DTO). Hence, this research was conducted to investigate the drug smuggling activities from Thailand's Golden Triangle and its effects towards Malaysia National Security. The research objectives were to explain the drug smuggling methods and routes from Thailand's Golden Triangle, to examine the threats posed by the drug smuggling activities from Thailand's Golden Triangle towards Malaysia's National Security and to analyse the countermeasures taken by the Malaysia Government in overcoming the drug smuggling activities from Thailand's Golden Triangle. The research had applied the concept of National Security in explaining the research phenomena. The research was conducted by using qualitative methods mainly focusing on the primary and secondary sources. Primary sources were based on field studies and interview processes. Meanwhile the secondary sources gathered from books, journal articles, academic thesis and government official documents. Meanwhile the research findings have found that first, there were four types of drugs smuggling methods were implemented by the DTO to transport the drugs into Malaysia through individual courier, motorcycles, modified cars with hidden compartment and through commercial cargo loads. Second, the drug smuggling activities from Thailand's Golden Triangle had contributed to the impact of Malaysia's societal security, economic security and political security. Third, the countermeasures that taken by Malaysia Government in overcoming the drug smuggling activities throughout the implementation of Dangerous Drugs Act 1952, the cooperation of Malaysia-Thailand Security Forces in overcome the drug smuggling activities and the implementation of Anti-Drugs campaign. Nevertheless, there are several countermeasures that need to be executed by the government in overcoming the drugs smuggling activities mainly increasing the security level of Malaysia-Thailand border by equipped the border Immigration Complex with latest scanner machines. This research has concluded the drug smuggling activities from Thailand's Golden Triangle exposed the real threats towards Malaysia's National Security.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah s.w.t atas berkat dan rahmat-Nya telah mengizinkan saya untuk menyelesaikan kajian ini. Pertama sekali jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia utama, Dr. Noraini binti Zulkifli serta penyelia bersama, Profesor Ruhana binti Harun dan Kolonel Sofian bin Kamaruddin atas tunjuk ajar serta penat lelah bantuan yang telah diberikan sepanjang proses menyelesaikan tesis ini. Doa serta sokongan moral daripada kedua ibu bapa, Dato' Haji Mohamad Yasid bin Bidin dan Datin Hajah Latifah binti Haji Abu Kasim amat bermakna dalam menyelesaikan kajian yang begitu mencabar. Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Yang Dihormati Pesuruhjaya Polis Dato' Razarudin bin Husain, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman di atas kelulusan yang diberikan untuk menjalankan temubual bersama Ketua-Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kontinjen Negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan. Bantuan yang diberikan oleh pihak Bukit Aman terutamanya daripada pihak Timbalan Pengarah Risikan/Operasi, Timbalan Pesuruhjaya Polis Tuan Zainudin bin Ahmad dan Penguasa Polis Zahari bin Abu Samah amat dihargai. Tidak dilupakan kepada Tuan Mohd Ridzzuan bin Mohd Zain, Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) Ibu pejabat Agensi Kawalan Sempadan Malaysia Putarajaya diatas kerjasama yang telah diberikan bagi menjalankan kutipan data di Pejabat Agensi Kawalan Sempadan Negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan. Ucapan terima kasih diberikan kepada Yang Berbahagia Brigadier Jeneral Mohd Zaki bin Abu, Panglima Briged ke-30 Infantri Malaysia dan Mejar Sanusi bin Sibi, Pegawai Staf 2 Gerak, Markas 30 Briged atas bantuan koordinasi bagi proses pengumpulan data kajian. Penghargaan juga diberikan kepada pihak Batalion Pertama Rejimen Sempadan (Tanah Merah, Kelantan), Batalion Kedua Rejimen Sempadan (Jeli, Kelantan), Batalion Ketiga Rejimen Sempadan (Pengkalan Hulu, Perak), Batalion Keempat Rejimen Sempadan (Grik, Perak) dan Batalion Kelima Rejimen Sempadan (Bukit Kayu Hitam, Kedah) diatas bantuan yang telah diberikan bagi menjalankan proses temubual dan kutipan data. Jasa baik Dekan Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) Lt. Kol. Prof. Madya Ariffin bin Ismail (Bersara) dan Ketua Jabatan Pengajian Strategi, Dr. Salma binti Yusof sentiasa dikenang dalam memberikan masa dan ruang bagi menyiapkan kajian ini. Akhir sekali terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan seperti Prof. Madya Dr. Azmi bin Zainol, Kolonel Noor Hishmuddian bin Rahim, Dr. Azrul Azlan Abdul Rahman, Inspektor Norzaiful bin Zainal, Encik Hendra Sharizal dan Kapten (PSTD) Zaifulnizam bin Wagiran serta rakan-rakan yang bertungkus-lumus memberikan bantuan serta pandangan mereka bagi menghasilkan kajian yang berkualiti. Semoga Allah s.w.t merahmati jasa baik individu serta pihak yang telah membantu perjalanan saya sebagai pelajar Doktor Falsafah.

KELULUSAN JAWATANKUASA PEMERIKSAAN

Jawatankuasa Pemeriksaan telah bersidang pada **14 Julai 2022** bagi menjalankan pemeriksaan akhir melibatkan **Amer Fawwaz bin Mohamad Yasid** dengan tesis bertajuk “**Penyeludupan dadah dari kawasan Segi Tiga Emas Thailand serta kesan terhadap keselamatan nasional negara Malaysia**”.

Jawatankuasa telah bersetuju bahawa pelajar diatas akan diijazahkan dengan Doktor Falsafah (Hubungan Antarabangsa dan Strategi)

Prof. Madya Dr. Radziah binti Abdul Rahim

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan (FPPP)

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

(Pengerusi Jawatankuasa)

Kolonel Prof. Madya Dr. Mohd Zaini bin Salleh (Bersara)

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan (FPPP)

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

(Pemeriksa Dalaman)

Profesor Dr. Sity binti Daud

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

(Pemeriksa Luar)

Prof. Madya Dr. Mohd Na'eim bin Ajis

Sekolah Pengajian Kerajaan

Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (UUM COLGIS)

Universiti Utara Malaysia (UUM)

(Pemeriksa Luar)

KELULUSAN TESIS

Tesis ini telah dihantar kepada pihak Senat Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat pengijazahan Doktor Falsafah (Hubungan Antarabangsa dan Strategi). Ahli Jawatankuasa Penyelia adalah seperti berikut:

Dr. Noraini bini Zulkifli@Zulkafli

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
(Penyelia Utama)

Profesor Ruhanas binti Harun

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
(Penyelia Bersama)

Kolonel Felo Kanan Sofian bin Kamaruddin (Bersara)

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
(Penyelia Bersama)

UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

DEKLARASI TESIS

Nama: **Amer Fawwaz bin Mohamad Yasid**

Tarikh Lahir: **3 Mac 1989**

Tajuk: **Penyeludupan Dadah Dari Kawasan Segi Tiga Emas Thailand Serta Kesan Terhadap Keselamatan Nasional Negara Malaysia**

Sesi Akademik: **2019 / 2020**

Saya dengan ini mengesahkan hasil kerja di dalam tesis ini merupakan hasil kerja saya sendiri kecuali *quotations* dan rumusan yang telah disahkan.

Saya dengan ini mengesahkan tesis ini sebagai:

RAHSIA (Mengandungi maklumat rahsia dibawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD (Mengandungi maklumat terhad seperti mana telah dinyatakan oleh organisasi dimana tesis ini dijalankan)

TERBUKA (Saya bersetuju tesis saya akan diterbitkan sebagai sumber akses terbuka (Teks penuh))

Saya mengesahkan pihak Universiti Pertahanan Nasional Malaysia mempunyai hak seperti berikut:

1. Tesis ini merupakan hak milik Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan bagi tujuan penyelidikan.
3. Pihak perpustakaan mempunyai hak untuk membuat salinan tesis sebagai rujukan akademik.

Tandatangan

** Tandatangan Penyelia/ Dekan PPS/
Ketua Pustakawan

Nombor Kad Pengenalan

** Tandatangan Penyelia/ Dekan PPS/
Ketua Pustakawan

Tarikh: _____

Tarikh: _____

Nota: * Sekiranya tesis adalah RAHSIA/TERHAD, sila lampirkan surat daripada organisasi yang menyatakan tempoh serta justifikasi kerahsiaan dan sekatan

** Saksi

SENARAI ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
KELULUSAN JAWATANKUASA PEMERIKSAAN	vi
KELULUSAN TESIS	vii
DEKLARASI TESIS	viii
SENARAI ISI KANDUNGAN	ix
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI GAMBAR	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0 Latar belakang kajian	1
1.1 Permasalahan kajian	9
1.2 Objektif kajian	11
1.3 Persoalan kajian	11
1.4 Metodologi kajian	12
1.4.1 Sumber primer	12
1.4.1.1 Kaedah temubual	12
1.4.1.2 Kaedah kajian lapangan	20
1.4.2 Analisis Data Primer	24
1.4.3 Data sekunder	24
1.4.4 Analisis Data Sekunder	26
1.4.5 Proses Triangulasi Data	28
1.5 Skop kajian	29
1.6 Limitasi kajian	30
1.7 Kepentingan kajian	30
1.8 Pembahagian bab	31

BAB 2	ULASAN KARYA	
	2.0 Pengenalan	34
	2.1 Kegiatan penyeludupan dadah	35
	2.2 Aktiviti penyeludupan dan perdagangan dadah di kawasan Segi Tiga Emas Thailand	40
	2.3 Dadah serta kesannya terhadap Keselamatan Nasional Malaysia	53
	2.4 Rumusan ulasan karya	61
BAB 3	KERANGKA KONSEPTUAL	
	3.0 Pendahuluan	66
	3.1 Konsep Keselamatan	67
	3.2 Konsep Keselamatan Nasional	71
	3.2.1 Keselamatan Politik	75
	3.2.2 Keselamatan Ekonomi	79
	3.2.3 Keselamatan Sosial	83
	3.3 Releven penggunaan konsep Keselamatan Nasional terhadap Kajian	87
	3.4 Perbincangan terhadap konsep Keselamatan Nasional dan Keselamatan Insan	93
BAB 4	KAEDAH DAN LALUAN PENYELUDUPAN DADAH KE MALAYSIA	
	4.0 Pengenalan	97
	4.1 Latar belakang aktiviti penyeludupan dan pengeluaran dadah dari kawasan Segi Tiga Emas Thailand	98
	4.2 Latarbelakang aktiviti penyeludupan dan kemasukan dadah di Malaysia	101

4.3 Sindiket penyeludupan dadah serta laluan kemasukan dadah dari negara Thailand ke Malaysia	105
4.3.1 Laluan penyeludupan dadah ke negeri Perlis	111
4.3.2 Laluan penyeludupan dadah ke negeri Kedah	114
4.3.3 Laluan penyeludupan dadah ke negeri Perak	116
4.3.4 Laluan penyeludupan dadah ke negeri Kelantan	117
4.4 Kaedah penyeludupan dadah dari Thailand ke Malaysia	123
4.4.1 Menggunakan individu perseorangan	123
4.4.2 Menggunakan motorsikal	126
4.4.3 Menggunakan kereta dan kenderaan empat roda yang diubahsuai	128
4.4.4 Menggunakan muatan kargo	130
4.5 Analisis terhadap penyeludupan dadah dari Thailand ke Malaysia	132
4.6 Kesimpulan bab	137

BAB 5 KESAN PENYELUDUPAN KE ATAS KESELAMATAN NASIONAL NEGARA MALAYSIA

5.0 Pengenalan	138
5.1 Kesan penyeludupan dadah terhadap keselamatan sosial negara Malaysia	138
5.1.1 Masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat	139
5.1.2 Kewujudan jenayah seperti kegiatan mencuri dan merompak	144
5.1.3 Kehancuran institusi kekeluargaan	147
5.2 Kesan penyeludupan dadah terhadap keselamatan ekonomi negara Malaysia	149

5.2.1 Aktiviti pengubahan wang haram oleh sindiket penyeludupan dadah	150
5.2.2 Pembaziran wang negara dan kerugian produktiviti dalam tenaga kerja	151
5.3 Kesan penyeludupan dadah terhadap keselamatan politik negara Malaysia	154
5.3.1 Masalah rasuah dan pecah amanah	155
5.3.2 Kedaulatan negara terjejas akibat aktiviti pencerobohan sempadan negara	158
5.3.3. Kemasukan senjata api secara haram ke Malaysia	159
5.4 Analisis kesan penyeludupan dadah dari kawasan Segi Tiga Emas Thailand terhadap Keselamatan Nasional negara Malaysia	161
5.5 Kesimpulan bab	165

BAB 6 LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN MALAYSIA UNTUK MENGATASI MASALAH PENYELUDUPAN DADAH

6.0 Pengenalan	167
6.1 Langkah-langkah pencegahan yang telah dijalankan oleh Kerajaan Malaysia dalam mengatasi masalah penyeludupan dadah	167
6.1.1 Penguatkuasaan undang-undang anti dadah yang tegas kepada penyeludup dan pengedar dadah di Malaysia	170
6.1.2 Kerjasama pasukan keselamatan Malaysia dan Thailand dalam membanteras aktiviti penyeludupan dadah di kawasan sempadan	173
6.1.2.1 Rondaan pencegahan penyeludupan dadah	173
6.1.2.2 Kursus dan latihan pencegahan penyeludupan Dadah	175

6.1.2.3	Pertukaran maklumat risikan antara agensi penguatkuasaan kedua-dua negara	175
6.1.3	Kerjasama Kerajaan Malaysia di peringkat antarabangsa dalam usaha mengatasi kegiatan penyeludupan dadah.	176
6.1.4	Pelaksanaan Kempen Antidadah bagi meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia bahayanya dadah kepada keselamatan negara	178
6.2	Langkah-langkah pencegahan yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia dalam mengatasi masalah penyeludupan dadah	180
6.2.1	Meningkatkan tahap keselamatan sempadan Malaysia-Thailand	181
6.2.1.1	Memperluaskan pembinaan pagar keselamatan di kawasan Rantau Panjang dan Durian Burung.	181
6.2.1.2	Penaiktarafan pagar keselamatan yang usang di kawasan Padang Besar dan Batu Putih, Perlis.	183
6.2.1.3	Penggunaan <i>drone</i> bagi memantau aktiviti penyeludupan dadah di kawasan sempadan Malaysia-Thailand	186
6.2.1.4	Melengkapkan Kompleks Imigresen dengan Mesin Pengimbas Berteknologi Tinggi bagi mengesan dadah	189
6.3	Analisis terhadap langkah yang diambil oleh kerajaan Malaysia dalam mengatasi masalah penyeludupan dadah dari kawasan Segi Tiga Emas Thailand	193
6.4	Kesimpulan bab	197
BAB 7	KESIMPULAN	
7.0	Rumusan kajian	199
7.1	Cadangan kajian lanjutan	207
	SENARAI RUJUKAN	209

SENARAI LAMPIRAN	226
Senarai Surat Rasmi Kebenaran Bagi Menjalankan Kajian Lapangan	226
Senarai Soalan Kajian	234
Senarai Gambar Temubual Bersama Responden Kajian	240
Senarai Gambar Kajian Lapangan	264
SENARAI SURAT KELULUSAN BAGI MENJALANKAN TEMUBUAL	273
BIODATA PELAJAR	301
SENARAI PENERBITAN YANG DIHASILKAN DARI TESIS	302

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1: Bilangan kes penyalahgunaan dadah di negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan bagi tahun 2016-2020.	8
Jadual 1.2: Senarai nama dan maklumat informan yang ditemubual.	16
Jadual 1.3: Kawasan kajian lapangan dijalankan.	22
Jadual 4.1: Tahap kemasukan dadah dari Thailand ke Malaysia.	107
Jadual 5.1: Statistik Bilangan Penagih Dadah Dikesan AADK Mengikut Kaum bagi tahun 2016-2020	141
Jadual 5.2: Statistik bilangan penagih dadah dikesan pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan Per Individu bagi tahun 2016-2020	143
Jadual 5.3: Nilai harga semasa pasaran dadah di Malaysia bagi tahun 2020-2021.	146
Jadual 5.4: Statistik tangkapan kes rasuah oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi tahun 2016-2020	155

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1 Kedudukan kawasan Segi Tiga Emas	3
Rajah 1.2: Proses Triangulasi Data.	29
Rajah 3.1: Kerangka Konseptual.	91
Rajah 4.1: Pergerakan dadah dari Thailand ke Malaysia.	109
Rajah 4.2: Kemasukan dadah dari negara Thailand ke Malaysia.	132
Rajah 5.1: Penyeludupan dadah dan kesannya kepada Keselamatan Nasional Negara Malaysia	161
Rajah 6.1: Langkah pencegahan yang telah dan perlu dijalankan oleh Kerajaan Malaysia bagi mengatasi masalah penyeludupan dadah	193

SENARAI GAMBAR

Gambar 4.1: Pagar keselamatan di kawasan Batu Putih, Perlis.	113
Gambar 4.2: Pemerhatian ke Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam.	115
Gambar 4.3: Keadaan tebingan Sungai Golok dari lokasi disebelah Malaysia dan Thailand.	121
Gambar 4.4: Pengkalan haram di tebingan Sungai Golok dari lokasi disebelah Malaysia dan Thailand.	122
Gambar 6.1: Pemerhatian ke kawasan Pagar <i>Checkpoint</i> 11 Padang Besar dari lokasi disebelah Malaysia dan Thailand.	184
Gambar 6.2: Pemerhatian ke kawasan Pintu 2 Batu Putih dari lokasi disebelah Malaysia dan Thailand.	185
Gambar 6.3: Contoh mesin pengimbas di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam.	191

SENARAI SINGKATAN

AADK	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
ACREDA	Pusat Penyelidikan dan Penyalahgunaan Dadah Asean
AIDS	<i>Acquired Immuno Deficiency Syndrome</i>
AKSEM	Agensi Kawalan Sempadan Malaysia
ASEAN	<i>Association of Southeast Asia Nations</i>
ATS	<i>Amphetamine Type Stimulants</i>
CIA	<i>Central Intelligence Agency-</i> Agensi Perisikan Pusat Amerika Syarikat
EThOS	<i>e-theses online service</i>
EURITRACK	<i>European Illicit Trafficking Countermeasures Kit</i>
FARC	Tentera Pembebasan Revolusi Nasional Colombia
HIV	<i>Human Immunodeficiency Virus</i>
ICQS	Kompleks <i>Immigration, Customs, Quarantine and Security</i>
INTERPOL	<i>International Police Organisation</i> /Pertubuhan Polis Antarabangsa
ISIS	<i>Islamic State of Iraq and Syria</i>
JSJN PDRM	Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Polis Diraja Malaysia
LONC	<i>League of Nations Comissions</i> /Liga Suruhanjaya Negara-Negara
MTCBO	Pejabat Koordinasi Sempadan Malaysia-Thailand <i>Malaysia-Thailand Coordination Border Office</i>
NTS	<i>Non-traditional security threat</i> Ancaman keselamatan bukan tradisional
PEMADAM	Persatuan Mencegah Dadah Malaysia
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PKM	Parti Komunis Malaya
PLUS	Projek Lebuhraya Utara Selatan

SBA	<i>Single Border Agency</i>
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
UNODC	<i>United Nations Office of Drugs and Crime</i>

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Latar belakang kajian

Merujuk kepada sejarah kewujudan dadah secara perspektif, terdapat sehingga 4000 jenis tumbuh-tumbuhan yang mempunyai bahan perangsang (*stimulant*) yang diketahui wujud di seluruh dunia dan digunakan oleh manusia sejak abad yang ketiga (Lua & Samira, 2012:25). Antara tumbuhan yang paling popular digunakan adalah biji opium ataupun nama saintifiknya *papaver somniferum*, Kanabis (*Cannabis Sativa*) dan daun Koka yang digunakan sebagai bahan utama bagi menghasilkan dadah jenis Kokain (Drug Law Enforcement of Australia, 1976:1-10).

Inglis (1975:75) berpendapat penggunaan dadah oleh manusia pada zaman dahulu disebabkan faktor-faktor seperti menghilangkan kesakitan dan penyakit, mengawal perasaan murung, keseronokan dan sumber makanan. Sementara itu Gimlette (1971:2) merupakan seorang pakar perubatan dan ahli sosiologi British yang mengkaji racun juga turut berpandangan bahawa dadah boleh digunakan sebagai sebatian bagi menghasilkan racun yang boleh membunuh manusia.¹ Tidak hairanlah

¹ Antara kajian terawal melibatkan penggunaan dadah sebagai racun dipelopori oleh Dr. John D. Gimlette bertajuk *Malay Poisons and Charm Cures* yang diterbitkan di London pada tahun 1915. Gimlette seorang doktor perubatan dan ahli sosiologi telah mengkaji penggunaan candu mentah yang digunakan oleh rakyat India dan orang Melayu di negeri Kelantan sebagai bahan asas untuk mencipta racun. Campuran candu mentah dengan racun yang

mengapa dadah telah dikategorikan sebagai bahan komoditi penting hingga menyebabkan segelintir pihak menjalankan kegiatan penyeludupan dan pengedaran dadah di dalam sesebuah negara.

Isu penyeludupan dadah merupakan ancaman keselamatan yang dilihat begitu besar terhadap setiap negara. Menurut Cornell (2007:94) sejak tamatnya Perang Dingin, terdapat peningkatan ancaman keselamatan yang melibatkan keselamatan nasional dan keselamatan bukan tradisional yang wujud menyeberangi sempadan negara seperti aktiviti penyeludupan dadah. Masalah ini wujud kerana terdapat permintaan yang tinggi dalam kalangan pengedar dadah dan penghisapnya (Wan Azmi Ramli, 1986:10). Keadaan ini menyebabkan berlakunya kemasukan dadah secara haram dari luar negara lantas mewujudkan ancaman keselamatan nasional terhadap negara seperti Malaysia.

Menurut Scorzelli (1987:2) terdapat dua kawasan utama pengeluaran dadah di dunia iaitu kawasan Bulan Sabit Emas (*Golden Crescent*) yang terletak dalam jajaran negara Pakistan, Afghanistan dan Iran, serta kawasan Segi Tiga Emas (*Golden Triangle*) yang terletak di kawasan Myanmar, Thailand dan Laos. Kawasan Segi Tiga Emas amat popular dalam aktiviti penghasilan dadah (Chalk, 2000:89-90). Malah dadah yang dihasilkan di sini adalah secara besar-besaran (Chouvy, 2013:29-31). Kawasan Segi Tiga Emas Thailand merupakan sebuah kawasan yang terletak di banjaran pergunungan melibatkan tiga buah negara iaitu Myanmar, Laos, dan Thailand. Dengan mempunyai keluasan 150,000 batu persegi, kawasan Segi Tiga

diperolehi dari sap tumbuhan seperti pokok Ceraka Merah, pokok Bebuta, pokok Kecubung Hitam, pokok Tuba Tikus dan pokok Merunggai telah menghasilkan racun yang membunuh dengan efektif. Lihat Gimlette (1971). *Malay Poisons and Charm Cures*. Oxford University Press, hlm. 2.

Emas sangat popular sebagai kawasan penanaman pokok popi yang dijadikan bahan utama dalam penghasilan heroin (Chin & Zhang, 2015:1).²



Rajah 1.0: Kedudukan kawasan Segi Tiga Emas

Sumber: Diolah oleh penyelidik

² Heroin adalah sejenis dadah jenis opiat yang diperolehi dari pokok popi (*Papaver somniferum*) melalui proses penukaran candu mentah ataupun getah yang diperolehi daripada buah popi yang ditoreh. Dari sudut perubatan dadah jenis heroin kebiasaanya digunakan bagi melegakan kesakitan dan merehatkan badan pada sukatan dos tertentu. Namun, heroin mempunyai keburukan iaitu kesan ketagihan yang melampau kepada pengguna. Bahan asas ataupun komponen kimia yang terdapat dalam heroin adalah asetik anhidrida, aseton, asetik asid (glasial), kalsium oksida, kalium karbonat, natrium karbonat, natrium hidroksida dan sodium hipoklorit. Lihat Lua & Talib. (2012). *Terapi Gantian Metadon untuk Penagihan Dadah*. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, hlm. 22-23.

Jolokan nama panggilan kawasan Segi Tiga Emas telah diilhamkan oleh Timbalan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Marshall Green pada sidang akhbar yang bertarikh 12 Julai 1971 dengan merujuk kepada kawasan segi tiga penanaman pokok popi serta pengeluaran heroin di Burma (Myanmar), Laos, Yunnan (China) dan Thailand (Chouvy, 2010:23). Ketika awal tahun 1960-an sehingga akhir tahun 1970-an kawasan ini menjadi tumpuan pelbagai sindiket penyeludupan dadah antarabangsa³ kerana ketika itu Segi Tiga Emas merupakan kawasan pengeluaran utama candu dunia.

Menurut Sen (1991:42) kawasan penanaman utama pokok popi di Segi Tiga Emas Thailand berpusat di wilayah Chiang Mai, Chiang Rai, Mae Hong Son dan Nan. Sebanyak dua pertiga bekalan candu dunia telah dihasilkan dari kawasan tersebut kerana faktor iklim, bentuk muka bumi dan tanah subur yang sesuai untuk menanam pokok popi (Wiant, 1985:125).⁴ Derks (2012:85) menyatakan terdapat sindiket penyeludupan dadah di peringkat antarabangsa telah berjaya mengedarkan produk heroin yang telah siap diproses dan berkualiti tinggi bagi memenuhi pasaran dadah di negara Amerika Syarikat⁵ dengan menggunakan sumber heroin yang dihasilkan dari kawasan Segi Tiga Emas Thailand. Faktor harga pengeluaran candu yang lebih murah kerana kadar pertukaran mata wang yang rendah menjadikan sindiket penyeludupan

³ Terdapat sindiket pengedaran dan penyeludupan dadah yang mendapatkan bekalan heroin dari kawasan Segi Tiga Emas termasuklah sindiket pengedaran dadah dari negara Sri Lanka yang beroperasi dibawah kumpulan pengganas seperti Liga Pembebasan Harimau Tamil Eelam yang mengimport dadah dari kawasan Segi Tiga Emas dan dipasarkan hingga ke Itali pada tahun 1984. Lihat Clarke, C. P. (2016). "Drugs and Thugs: Funding Terrorism through Narcotics Trafficking". *Journal of Strategic Security*. No. 3, Vol. 9, hlm. 4.

⁴ Menurut Sabhasri (1978) kawasan pedalaman utara Thailand adalah kawasan paling popular pengeluaran candu dan penanaman pokok popi kerana tanahnya yang subur serta kemampuan pokok popi untuk hidup di kawasan pergunungan beraltitud tinggi. Lihat Sabhasri, S. (1978). "Opium Culture in Northern Thailand: Social and Ecological Dilemmas" dalam Kunstadter, P., Chapman, E.C., dan Sabhasri, S. *Farmers in the Forest*. University of Hawaii Press, hlm. 310-312.

⁵ Kemasukan heroin yang dihasilkan di kawasan Segi Tiga Emas ke Amerika Syarikat telah bermula sejak Perang Vietnam hingga tahun 1989. Kerajaan Amerika Syarikat telah mendedahkan bahawa jumlah heroin dan candu yang dihasilkan dari kawasan Segi Tiga Emas adalah sebanyak 3050 tan yang merangkumi 73 peratus daripada keluaran heroin dunia pada ketika itu. Lihat Derks (2012). *History of the Opium Problem*. Brill, hlm. 423.

dan pengedaran dadah mendapatkan bekalan dadah secara terus dari kawasan Segi Tiga Emas Thailand.

Sejarah mencatatkan bahawa dadah pernah dijadikan sebagai sumber bahan komoditi perdagangan oleh pihak Belanda pada kurun ke-16 apabila Syarikat Perdagangan Hindia Timur Belanda telah mengimport sejumlah besar bekalan candu mentah dari Bengala, India untuk dijual di kawasan tanah jajahan di Kepulauan Indonesia.⁶ Melihat kepada kedudukan kewangan yang kukuh hasil daripada penjualan candu oleh Belanda, pihak British yang menjajah negara India ketika itu melalui penubuhan Syarikat Perdagangan Hindia Timur Inggeris telah mengawal penjualan candu kepada pihak Belanda⁷ dengan tujuan untuk mengawal monopoli pasaran candu di kawasan Timur Jauh. Spencer dan Navaratnam (1981:14-17) menyatakan bahawa pada awal kurun ke-18 negara-negara kuasa besar di dunia pada ketika itu telah menjajah sebahagian besar daripada kawasan Asia Tenggara seperti Belanda, British, Sepanyol, British dan Perancis bagi mengawal perdagangan candu di kawasan Laos, Kemboja, Indonesia, Vietnam, Malaya dan Filipina.

Tregonning (1967:42) menyatakan budaya menghisap candu telah diperkenalkan oleh kaum imigran dari Tanah Besar China yang datang ke Asia Tenggara untuk menjadi buruh dalam sektor perlombongan bijih timah pada awal kurun ke-18. Oleh yang demikian, pihak British yang bertapak di Asia turut

⁶ Menurut Andaya (1975), Belanda merupakan sebuah kuasa besar maritim pada awal abad kurun ke-16 telah menjalankan perdagangan bahan komoditi utama termasuklah perdagangan candu mentah ke negara-negara di kawasan Asia Tenggara. Salah satu bentuk perdagangan awal candu mentah yang wujud adalah perdagangan dengan kerajaan negeri Johor yang bermula sejak awal tahun 1687. Lihat Andaya, L. Y. (1975). *The Kingdom of Johor 1641-1728: Economic and Political Developments*. Oxford University Press, hlm. 38.

⁷ British telah mengawal dominasi perdagangan candu yang dijalankan oleh Syarikat Perdagangan Hindia Timur Belanda di kawasan Asia Tenggara dengan memperdagangkan sejumlah besar bekalan candu yang didapati dari India pada awal kurun ke-18 kerana sumber utama bekalan candu datangnya dari negara tersebut pada ketika itu. Lihat Tregonning, K. G. (1964). *A History of Modern Malaya*. Eastern Universities Press Limited, hlm. 108.

mengambil peluang untuk membuka ladang penanaman pokok popi secara berskala besar sebagai langkah bagi meningkatkan lagi hasil pendapatan dan kewangan yang memberikan keuntungan kepada pertumbuhan ekonomi negara mereka (Emerson, 1966:188).⁸ Sebagai contoh Kerajaan British yang menjajah negara Myanmar, Tanah Melayu dan Singapura telah membina rumah-rumah bagi menghisap dan menjual candu kepada orang tempatan di bawah tanah jajahan mereka (Spencer & Navaratnam: 1981:15-16). Selain bekalan candu yang dijual dari rumah-rumah menghisap candu yang dimiliki oleh kerajaan British, perdagangan candu juga turut dijalankan dengan menggunakan bot ke kawasan-kawasan pedalaman yang hanya boleh di akses melalui pengangkutan jalan sungai (Gullick, 1987:158). Keadaan ini telah menyebabkan masyarakat setempat menjadi ketagih kepada budaya menghisap candu disebabkan akses mudah untuk mendapatkan bekalan candu mentah yang disediakan oleh pihak British secara terbuka. Dalam pada itu setiap rakyat yang menggunakan candu perlu membayar cukai candu kepada Kerajaan British (Lim, 1974:14).

Tambahan pula, Philip (1969:142-143) turut menegaskan pihak British telah mengawal monopoli penjualan candu kepada rakyat di bawah Tanah Jajahan Seberang Laut dengan memastikan bekalan candu hanya dijual oleh pihak kerajaan sahaja melalui lantikan ejen penjual candu yang sah. Perkara ini dilihat telah menyebabkan masalah penyalahgunaan dadah kerana mempunyai hubungkait dengan masalah penyeludupan dadah ekoran terdapat permintaan yang berterusan daripada pengguna

⁸ Kerajaan British telah menjadikan hasil penjualan dan penanaman candu sebagai sumber pendapatan tetap yang diperolehi daripada tanah-tanah jajahan seberang laut terutamanya bagi pemerintahan koloni British Malaya dengan memperkenalkan Tabung Simpanan Kutipan Hasil Penjualan Candu yang diwujudkan sekitar tahun 1925, dengan kutipan permulaan sebanyak 10,000,000 Pound Sterling. Kadar hasil kutipan keuntungan penjualan candu pada akhir tahun 1935 melonjak kepada 27,795,584 Pound Sterling. Kuasa untuk mengutip hasil keuntungan pendapatan penjualan candu telah diberikan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat yang dilantik oleh pihak kerajaan, bagi menguruskan kewangan tanah jajahan British Malaya pada ketika itu. Lihat Emerson, R. (1966). *Malaysia*. University of Malaya Press, hlm. 188.

dadah domestik sejak awal kurun ke-18 lagi. Dadah juga telah meruntuhkan institusi pemerintahan sesebuah negara. Sebagai contoh, Perang Candu 1842 di China telah mengakibatkan keruntuhan kerajaan China (Abdul Ghafar Taib, 1988:7). Syarikat Perdagangan Hindia Timur Inggeris telah menyebabkan ketagihan kepada rakyat China dengan menjual candu⁹ kepada penduduk dalam skala yang besar sekaligus membuka peluang kepada Kerajaan British untuk menguasai pelabuhan-pelabuhan utama sehingga akhirnya menguasai laluan perdagangan di negara China (Spencer & Navaratnam, 1981:12). Dadah juga turut berperanan sebagai senjata bagi menjatuhkan kuasa ketenteraan. Mc Coy (1991:158-161) mengulas penjualan dadah secara terbuka di Vietnam adalah strategi cara halus yang digunakan oleh pihak gerila *Viet Cong* dan Tentera Pembebasan Vietnam Utara bagi mempercepatkan kekalahan Tentera Amerika Syarikat. Penjualan dadah secara berleluasa telah menyebabkan Tentera Amerika Syarikat mengalami ketagihan dadah yang kronik hingga melumpuhkan perjuangan mereka ketika berperang melawan insurgensi komunis (Manning, 1988:22-25).

Di Malaysia aktiviti penyeludupan dadah berlaku dengan kemasukan dadah dari negara Thailand melalui kawasan sempadan utara dan timur laut Semenanjung Malaysia (Wan Azmi Ramli, 1986:19-21). Terdapat maklumat perisikan yang menyatakan bahawa bekalan dadah yang datangnya dari negara Thailand dibawa masuk ke dalam negara Malaysia sebelum dieksport ke pasaran antarabangsa

⁹ Candu merupakan dadah yang dihasilkan dari getah pokok popi. Candu digunakan sebagai ubat penahan sakit dan terkelompok dalam dadah jenis *analgesics*. Candu yang telah diproses akan menghasilkan dadah jenis morfin yang terkenal digunakan secara meluas oleh doktor pakar bagi merawat pesakit yang baru sahaja menjalani pembedahan kritikal. Penggunaan candu secara berlebihan dapat menyebabkan ketagihan kepada penggunaanya. Lihat Hawthorn, J. (2005). *Dictionary of Medicinal Drugs*. Grange Books, hlm. 447-448.